

Korelasi Niat Keusahawanan dan Pencapaian Prestasi Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas Perniagaan Murid Di Sekolah Menengah

(Correlation between Entrepreneurial Intention and Performance Achievement for Business Subject Among Secondary School's Students)

NURUL HIDAYAH OMAR, NORASMAH OTHMAN

ABSTRAK

Keusahawanan merupakan tunjang utama dalam menggerakkan ekonomi negara. Generasi muda perlu diberi perhatian agar keusahawanan menjadi pilihan kerjaya utama mereka. Oleh itu, pendidikan keusahawanan telah ditawarkan di sekolah agar niat keusahawanan dalam kalangan murid dapat ditingkatkan. Antara mata pelajaran berorientasikan pendidikan keusahawanan yang ditawarkan di sekolah adalah Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) Perniagaan. MPEI ini bermatlamat untuk merencanakan niat keusahawanan dalam kalangan generasi muda dan telah ditawarkan hampir lima tahun. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi bertujuan mengenal pasti tahap niat keusahawanan dan seterusnya korelasi antara niat keusahawanan dengan pencapaian prestasi MPEI Perniagaan murid. Seramai 217 murid terlibat dalam kajian dengan menggunakan soal selidik dan ujian sebagai instrumen bagi mengukur niat keusahawanan dan pencapaian prestasi MPEI Perniagaan murid. Data dianalisis menggunakan perisian Pakej Statistik Sains Sosial versi 26. Hasil analisis melaporkan bahawa niat keusahawanan murid berada pada tahap tinggi. Namun dari segi pencapaian prestasi MPEI Perniagaan pula, data menunjukkan bahawa tahap kognitif dan psikomotor murid hanya berada pada tahap sederhana sahaja iaitu kepujian. Berbeza dengan data afektif murid yang menunjukkan berada pada tahap cemerlang. Korelasi antara niat keusahawanan dengan pencapaian prestasi MPEI Perniagaan menunjukkan korelasi negatif pada kadar yang sangat lemah. Ini menunjukkan bahawa sekiranya niat keusahawanan murid semakin tinggi maka pencapaian prestasi MPEI Perniagaan semakin rendah. Kajian ini memberikan implikasi dalam memartabatkan lagi kurikulum yang melibatkan pendidikan keusahawanan di peringkat sekolah. Sejajar dengan dapatan kajian, faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya korelasi negatif antara niat keusahawanan dengan pencapaian prestasi perlu dikaji pada masa akan datang.

Kata kunci: Niat keusahawanan; pencapaian prestasi; mata pelajaran perniagaan; murid sekolah menengah; pendidikan keusahawanan

ABSTRACT

Entrepreneurship is the mainstay of the nation economic growth. Further attention needs to be paid to the youth in encouraging them to choose entrepreneurship as their top career choice. Due to that, entrepreneurship education has been offered at schools as to develop pupils' entrepreneurial attitude. One of the entrepreneurial-oriented subjects offered at schools is professional elective subject (MPEI) Business. This subject aims to further inculcate entrepreneurial intention among the youth and has been offered at schools for five years. Thus, this study is conducted to identify pupils' level of entrepreneurial intention and the correlation between their entrepreneurial intention and their performance in professional elective subject Business. 217 pupils were involved in the study by using questionnaires and tests as instruments to measure entrepreneurial intention and achievement of (MPEI) Business subject. The data was analysed using the Statistical Package for the Social Sciences version 26. The analysis reveals that the pupils have high entrepreneurial intention. Nevertheless, in terms of performance in professional selective subject (MPEI) Business, the data demonstrates an intermediate level or credit in cognitive and psychomotor. This differs from the affective data which shows pupils' advanced level. The correlation between the entrepreneurial intention and the professional elective subject (MPEI) Business performance shows a negative correlation at a very low rate. If pupils' entrepreneurial intention increases, their performance in professional elective subject (MPEI) Business decreases. This study provides implications in upholding entrepreneurship education curriculum at schools. In line with the findings of the study, factors contributing to the negative correlation between the pupils' entrepreneurial intention and their performance need to be explored in the future.

Keywords: Entrepreneurial Intention; performance; business subject: secondary students; entrepreneurship education

PENGENALAN

Keusahawanan merupakan salah satu bidang yang terbukti dapat meningkatkan ekonomi negara serta mewujudkan peluang pekerjaan (Roomi et al. 2021). Laporan *Global Entrepreneurship Monitor* 2020/2021 menunjukkan walaupun dunia menghadapi pandemik COVID-19, bidang keusahawanan masih dipilih sebagai kerjaya utama namun usahawan perlu bijak mengatur strategi dan mempunyai motivasi yang tinggi. Kepesatan teknologi pada masa kini memudahkan lagi bidang keusahawanan untuk bergiat aktif dalam pasaran dan mendorong peningkatan inovasi (Gutierrez 2021). Jika dilihat, rakyat di Amerika Latin banyak berkecimpung dalam perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sekaligus menjadi penyumbang utama ekonomi (Mendoza et al. 2021). Malahan, negara dari kesatuan Eropah dan rantau *Association of Southeast Asian Nations* atau dikenali dengan ASEAN termasuk Malaysia juga menitikberatkan prestasi PKS dari segi keluaran dalam negeri kasar, eksport, guna tenaga dan produktiviti (SME Corporation Malaysia 2021). Penelitian strategi perlu dilaksanakan agar bidang keusahawanan mampu meningkatkan taraf kehidupan seseorang (Nurul Muna et al. 2021). Penumpuan dari segi insentif, kewangan, latihan, pendidikan dan program memberikan kesan kepada bidang keusahawanan (Zada & Zhidebekkyzy 2021). Disebabkan itu, Malaysia telah melaksanakan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 bagi mewujudkan budaya dan ekosistem keusahawanan agar ekonomi lebih mampan (Kementerian Pembangunan Usahawan 2019).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) diberi tanggungjawab untuk memupuk kemahiran keusahawanan dalam diri murid di peringkat sekolah (KPM 2013). Berikutan itu Mata Pelajaran Elektif Iktisas (MPEI) Perniagaan telah diperkenalkan di sekolah menengah agar murid mempunyai kemahiran dalam komunikasi, berkepimpinan, mengenal perakaunan dan bijak mengurus (Bahagian Pembangunan Kurikulum 2016). Murid diberikan kebebasan untuk memilih MPEI berdasarkan minat masing-masing (Sinar Harian 2019). Ini memberi peluang kepada murid yang berminat dalam bidang keusahawanan untuk menambah pengetahuan dan kemahiran melalui MPEI Perniagaan (Bahagian Pembangunan Kurikulum 2016). Pada dasarnya, kandungan kurikulum yang berbentuk keusahawanan dapat meningkatkan niat keusahawanan (Yushun et al. 2021; Iklima

Husna et al. 2020). Hal ini ditunjukkan apabila pengajaran dan pembelajaran MPEI Perniagaan menggunakan pendekatan amalan perusahaan bagi memupuk budaya keusahawanan murid sekaligus meningkatkan niat keusahawanan murid melalui pengalaman (Bahagian Pembangunan Kurikulum 2016). Ini selari dengan objektif MPEI Perniagaan yang bertujuan untuk menambah pengetahuan dan minat murid dalam bidang perniagaan. Secara tidak langsung, ia dapat membangunkan idea dan kesediaan murid untuk memulakan perniagaan melalui niat keusahawanan murid. Niat dapat dikaitkan dengan sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku agar matlamat dapat dicapai melalui tindakan sebenar (Ajzen 2005). Niat murid yang positif dapat memberikan kesan terhadap pencapaian prestasi yang cemerlang bagi menjamin masa hadapan (Rony et al. 2019).

PENYATAAN MASALAH

Sejak tahun 1980an, pelbagai subjek telah diperkenalkan dalam usaha untuk membudayakan keusahawanan dalam kalangan murid seperti subjek Perdagangan, Kemahiran Hidup Bersepadu, Ekonomi dan Perakaunan (KPM 2002). Namun begitu, minat dan niat keusahawanan murid dalam bidang keusahawanan dan perniagaan masih berada pada tahap yang rendah. Ini jelas ditunjukkan apabila peratus yang menceburi bidang keusahawanan tidak mencapai tahap yang disasarkan (Kementerian Pembangunan Usahawan 2019). Rentetan itu, pada tahun 2017, MPEI Perniagaan ditawarkan dan diuji dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berdasarkan pencapaian prestasi yang diperoleh murid (Lembaga Peperiksaan Malaysia 2020a).

Pencapaian prestasi menjadi kayu ukur dalam menentukan penguasaan murid terhadap sesuatu subjek yang melibatkan kognitif, afektif dan psikomotor (Bahagian Pembangunan Kurikulum 2016). Namun, statistik calon SPM MPEI Perniagaan menunjukkan pengurangan bilangan calon pada setiap tahun (Jadual 1). Secara langsung, ini menyumbang kepada jurang tenaga kerja terhadap keusahawanan yang melibatkan generasi muda. Amnya, ekosistem keusahawanan di Malaysia menunjukkan jurang yang sangat ketara terutamanya berkaitan dengan pengetahuan keusahawanan, inovasi produk dan penggunaan teknologi (Kementerian Pembangunan Usahawan 2019). Sekaligus, pengurangan bilangan calon MPEI Perniagaan mengehadkan generasi

muda yang berkemahiran dan berpengetahuan dalam keusahawanan. Tambahan, generasi muda berpendapat pendidikan tidak lagi penting dalam membantu mereka mencari pekerjaan (Rosniza et al. 2020).

JADUAL 1. Bilangan Calon SPM MPEI Perniagaan

Tahun	Bilangan Calon	Beza
2018	93900	-
2019	89432	4468
2020	85397	4032

Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia (2020_a, 2021_b)

Situasi ini menimbulkan kebimbangan terhadap tahap niat keusahawanan murid pada masa akan datang. Jika ia berterusan, murid tidak berpeluang untuk menceburi bidang keusahawanan (Samydevan et al. 2020). Tambahan, pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru yang masih tradisional menyebabkan murid berasa bosan serta membataskan kemahiran dan pengetahuan keusahawanan (Samkange 2020; Toresingam et al. 2019). Secara tidak langsung, ia memberi impak kepada pencapaian prestasi murid kerana sikap dan kawalan tingkah laku seseorang akan mendorong kepada tingkah laku sebenar dalam mencapai matlamat yang disasarkan (Nurul Jasmin & Noor Aslinda 2020; Kimuli et al. 2020; Ilias & Radin Siti Aishah 2019).

Pemikiran murid yang terbatas menyebabkan murid tidak dapat melihat dunia sebenar keusahawanan sekaligus mengehadkan psikomotor dan afektif (Isoraite & Guleviciute 2021; Nur Fardeana et al. 2020; Wan Mohd Zaifurin & Ibrahim 2019). Malah, murid yang cemerlang belum tentu mempunyai pemikiran yang matang, mampu berkomunikasi dengan lancar, berkepemimpinan, kemurnian tingkah laku, keupayaan mencipta sesuatu dan menyumbang kepada negara (Noorul Jannah & Nor Aishah 2019). Berikutan itu, terdapat satu keperluan untuk pengkaji melaksanakan kajian ini. Objektif kajian ini adalah: 1. mengenal pasti tahap niat keusahawanan murid MPEI Perniagaan di sekolah menengah, 2. mengenal pasti tahap pencapaian prestasi MPEI Perniagaan murid di sekolah menengah, dan 3. mengenal pasti korelasi pencapaian prestasi MPEI Perniagaan murid di sekolah menengah.

KAJIAN LITERATUR

NIAT KEUSAHAWANAN

Niat keusahawanan merupakan salah satu elemen penting dalam membentuk tingkah laku keusahawanan seseorang. Linan dan Chen (2009) menyatakan sikap peribadi, norma subjektif dan kawalan tingkah laku dapat memupuk niat keusahawanan. Kajian Elnadi dan Gheith (2021) menunjukkan bahawa niat keusahawanan dapat dipertingkatkan sekiranya murid terdedah dengan persekitaran keusahawanan.

Kepelbagaian aktiviti keusahawanan memberikan peluang kepada murid untuk lebih berkeyakinan dan termotivasi ke arah keusahawanan. Malah, kajian Wan Mohd Zaifurin et al. (2019) juga menunjukkan keyakinan yang diberikan oleh persekitaran sekeliling memberikan impak kepada sikap dan tingkah laku murid ke arah keusahawanan. Secara langsung murid akan menyedari kepentingan keusahawanan sebagai pilihan kerjaya pada masa hadapan. Kajian Rosna dan Norasmah (2018) pula menunjukkan keyakinan diri terhadap keusahawanan perlu dibentuk sejak di bangku sekolah lagi sekaligus membina ciri-ciri keusahawanan (Feng et al. 2019). Pemikiran keusahawanan yang tinggi, kebolehan dan niat keusahawanan sedia ada murid dapat menggerakkan tingkah laku keusahawanan murid (Affzalina & Nor Aishah 2017). Malah, kajian Zhao dan Xie (2020) menegaskan afektif atau emosi keusahawanan yang positif merupakan tunjang utama dalam membentuk niat keusahawanan seseorang dan seterusnya mempromosikan kepada tingkah laku.

Kajian Fragoso et al. (2020) dan Veljkovic et al. (2019) menunjukkan latar belakang keusahawanan keluarga memberi kesan kepada niat keusahawanan sekaligus mendorong kepada tingkah laku keusahawanan. Pendedahan keusahawanan secara langsung mendorong niat keusahawanan mereka agar dapat meneruskan legasi perniagaan keluarga masing-masing.

Namun begitu, berbeza dengan dapatan kajian Nguyen (2018) yang menyatakan latar belakang keluarga (norma subjektif) yang mempunyai perniagaan tidak memberi kesan secara langsung kepada niat keusahawanan. Ini disokong oleh Lavelle (2019) yang menunjukkan norma subjektif tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan niat keusahawanan. Justeru ini menunjukkan jurang untuk mengukur sikap, norma subjektif dan tingkah laku murid sekolah terhadap niat keusahawanan.

PENCAPAIAN PRESTASI MATA PELAJARAN

Pencapaian prestasi sering diguna pakai dalam mengukur penguasaan mata pelajaran yang dipelajari melalui peperiksaan mengikut penggal, kuiz dalam kelas dan pentaksiran berasaskan bilik darjah/sekolah (Bhutali et al. 2020; KPM 2019). Pencapaian prestasi murid boleh dinilai dari aspek kognitif, afektif dan psikomotor selaras dengan Model Pembelajaran Taksonomi Bloom 1956. Malah, model tersebut membahagikan pemikiran kepada aras rendah dan tinggi. Pemikiran aras rendah merangkumi proses mengingat, memahami dan mengaplikasi manakala pemikiran beraras tinggi pula merangkumi menganalisis, menilai dan mencipta.

Dapatan Alalouch (2021) menunjukkan gaya kognitif seperti mengetahui, merancang dan mencipta mempunyai hubungan dengan prestasi akademik. Perkembangan kognitif murid boleh dipertingkatkan dengan memberi pelbagai aras soalan terutamanya melibatkan kemahiran berfikir aras tinggi (Syafiq 2019). Keinginan pengetahuan yang tinggi dalam diri murid akan terbentuk kerana murid lebih suka untuk mencuba dan menganalisis sesuatu yang baharu (Nur Adila & Shahlan 2021). Kajian Phuong et al. (2021) menegaskan kandungan kurikulum yang ditawarkan perlu mengasah pemikiran kritikal dan mendorong untuk menyelesaikan masalah. Ini membawa kepada prestasi yang lebih bagus kerana mereka dapat menjana idea yang baharu.

Malah Jardim (2021) menegaskan kepentingan kemahiran keusahawanan perlu diberi fokus dalam pendidikan keusahawanan. Ia bertujuan bagi memastikan pengetahuan keusahawanan yang diperoleh mempunyai keseimbangan kognitif, psikomotor dan afektif. Kajian Nur Asmaliza et al. (2020) pula menunjukkan pencapaian murid dari aspek afektif dan psikomotor adalah lebih baik berbanding kognitif. Murid didapati masih kekurangan pengetahuan dan pemahaman terhadap apa yang dipelajari dan seterusnya membawa kesan semasa menjawab ujian. Perbezaan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak semua kurikulum keusahawanan memfokuskan kepada prestasi yang sama seperti kognitif sahaja malah ada yang memberi penumpuan kepada afektif dan psikomotor. Ia lebih bergantung kepada objektif kurikulum mata pelajaran yang ditawarkan.

NIAT KEUSAHAWANAN DAN PENCAPAIAN PRESTASI MPEI PERNIAGAAN

Niat keusahawanan sering kali dikaitkan dengan pendidikan keusahawanan seperti MPEI Perniagaan (Barraza et al. 2021; Lavelle 2019). Tambahan, kajian Ndofirepi (2020) pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pendidikan keusahawanan dengan niat keusahawanan. Pendidikan keusahawanan secara langsung mendedahkan murid dengan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan. Perkara ini selari dengan kajian Letsaolo dan Rankhumise (2020) yang menekankan kepada kemahiran. Kajian tersebut juga menyatakan keadaan persekitaran adalah antara punca kepada perubahan tingkah laku murid. Kemahiran sedia ada dengan dorongan persekitaran yang positif menyebabkan murid bertindak untuk mencapai objektif yang disasarkan. Pendedahan dan pengalaman awal melalui pelbagai aktiviti atau program yang berteraskan keusahawanan membentuk kemahiran dan pengetahuan keusahawanan murid sekaligus menimbulkan minat terhadap keusahawanan (Wan Mohd Zaifurin & Ibrahim 2020).

Namun berbeza dengan dapatan Tie et al. (2019) pula menunjukkan pendedahan terhadap keusahawanan tidak memberikan impak kepada murid untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan utama. Ini menjelaskan bahawa tiada kaitan antara pendedahan keusahawanan kepada murid dengan niat keusahawanan mereka, khususnya berkaitan dengan kerjaya keusahawanan. Bagaimanapun berbeza dengan kenyataan Georgescu dan Herman (2020) apabila mereka melaporkan dapatan yang berbeza. Menurut mereka wujud korelasi secara positif antara pendedahan keusahawanan dengan niat keusahawanan murid. Malah prestasi mata pelajaran perniagaan bagi murid ini juga turut tinggi.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan dan korelasi. Populasi kajian adalah seramai 452 orang murid tingkatan 4 yang mengambil MPEI Perniagaan di daerah Rompin, Pahang. Berasaskan jumlah populasi tersebut, saiz sampel yang bersesuaian mengikut Cohen et al. (2001) adalah 217 orang dan mereka

telah dipilih secara rawak mudah sistematik daripada 17 buah sekolah. Penentuan pemilihan sekolah adalah berdasarkan senarai sekolah yang diperoleh mengikut susunan nombor ganjil. Daerah Rompin dijadikan lokasi kajian kerana berlakunya pengurangan calon MPEI Perniagaan SPM bermula tahun 2019 dan ini selari dengan pernyataan masalah kajian.

Instrumen kajian yang digunakan bagi menjawab persoalan kajian adalah soal selidik. Soal selidik terbahagi kepada tiga bahagian iaitu demografi (bahagian A), niat keusahawanan (bahagian B) dan Ujian Pencapaian Prestasi (bahagian C). Terdapat tiga konstruk yang diuji di bahagian B iaitu sikap (4 item), norma subjektif (4 item) dan kawalan tingkah laku (5 item) dengan pilihan jawapan berbentuk lima skala *likert* iaitu sangat setuju (SS), setuju (S), kurang setuju (KS), tidak setuju (TS) dan sangat tidak setuju (STS). Setiap item di bahagian B telah diadaptasi dan diubah suai daripada kajian Norasmah dan Norhafiza (2015), Noorizda et al. (2019) dan Ravi (2015). Pengubahsuaian dilakukan bagi memastikan item bersesuaian dengan aras murid sekolah menengah.

Bahagian C pula merangkumi 22 item yang melibatkan ujian kognitif, afektif dan psikomotor berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran MPEI Perniagaan Tingkatan 4. Semua item di bahagian ini dibina dalam bentuk situasi penghakiman ujian (SPU) iaitu setiap item diberikan senario yang tertentu. Murid dikehendaki menjawab item senario tersebut mengikut penilaian masing-masing (Dwita et al. 2017). Terdapat empat pilihan jawapan iaitu sangat setuju (SS), setuju (S), tidak setuju (TS) dan sangat tidak setuju (STS). Setiap pilihan jawapan yang dipilih diberikan skor (Jadual 2). Rubrik skor telah ditetapkan oleh pengkaji bagi menentukan tahap pencapaian skor keseluruhan dan gred responden.

JADUAL 2. Rubrik skor

Markah	Skor
Penuh	2
Separuh penuh	1
Tiada markah	0
Tiada respons	9

Kesahan dan kebolehpercayaan setiap item dilakukan melalui kajian rintis. Kesahan merupakan kemampuan instrumen kajian untuk mengukur sesuatu konstruk (Yee 2018; Chai et al. 2021). Manakala, kebolehpercayaan adalah berkaitan

dengan ketepatan dan ketekalan ukuran yang dapat menunjukkan sama ada instrumen boleh memberikan hasil yang sama setiap kali digunakan (Amran et al. 2021). Pengkaji telah melakukan kesahan kandungan dengan merujuk kepada tiga orang pensyarah universiti yang berpengalaman dalam bidang pendidikan perniagaan dan keusahawanan. Pengkaji menggunakan indeks kesahan kandungan (CVI) dengan menitikberatkan purata penilaian dan tahap kesesuaian yang diberikan oleh pakar. Davis (1992) dan Lily et al. (2018) menyatakan sekiranya nilai CVI melebihi 0.80 ke atas bermakna item dan konstruk boleh diterima. Dapatan daripada panel pakar menunjukkan nilai CVI melebihi 0.89 bagi semua item maka semua item boleh diguna pakai.

Seramai 30 orang responden dilibatkan dalam kajian rintis. Hasil analisis kajian rintis menunjukkan nilai pekali *cronbach's alpha* adalah melebihi 0.7 (Jadual 3). Sekiranya nilai kebolehpercayaan melebihi 0.7 maka item boleh digunakan (Kline 2011). Ini bermakna instrumen adalah baik dan boleh digunakan untuk kajian lapangan.

JADUAL 3. Nilai Kebolehpercayaan mengikut Konstruk

Pemboleh ubah	Konstruk	Nilai <i>cronbach's alpha</i>
Niat	-	0.865
Keusahawanan	• Sikap	0.909
	• Norma subjektif	0.787
	• Kawalan tingkah laku	0.725

Bagi bahagian C, pengkaji menggunakan indeks diskriminasi (ID) dan indeks kesukaran (IK). IK merupakan jumlah kadaran murid yang menjawab item dengan betul manakala ID merupakan perbezaan murid yang berprestasi tinggi dengan murid yang berprestasi rendah (Ayu 2020). Jadual 4 dan 5 diguna pakai untuk aras diskriminasi dan pengkelasan item bagi menentukan kesahan ujian (Rachel et al. 2021).

JADUAL 4. Interpretasi IK

IK	Pentafsiran item	Keputusan
< 0.3	Terlalu sukar	Ubahsuai soalan
0.31 hingga 0.8	Sederhana	Terima Soalan
≤ 0.81	Terlalu mudah	Ubahsuai soalan

JADUAL 5. Aras ID dan Pengkelasan Item

ID	Pengkelasan
0.00 – 0.10	Tidak baik
0.11 – 0.20	Kurang baik
0.21 – 0.30	Sederhana baik
0.31 – 0.40	Baik
0.41 – 1.00	Sangat baik

Dapatan keseluruhan item menunjukkan tafsiran IK berada pada aras sederhana iaitu antara 0.31 hingga 0.80. Justeru, semua item boleh diterima untuk kajian (Jadual 4). Sementara, majoriti item menunjukkan ID pada pengkelasan sangat baik iaitu bermula dari 0.48 hingga 0.91. Ini menghasilkan sebanyak 68.18% item yang sangat baik. Terdapat lima item yang menunjukkan pengkelasan pada tahap baik (22.73 peratus) iaitu item 14, 15, 16, 18 dan 21. Sementara, item 19 dan 20 menunjukkan pengkelasan pada tahap sederhana baik. Ini menunjukkan semua item di bahagian C boleh diguna pakai dan bersesuaian dengan kajian.

Sebelum menentukan korelasi niat keusahawanan dengan pencapaian prestasi MPEI Perniagaan, pengkaji akan menganalisis tahap niat keusahawanan dan tahap pencapaian prestasi MPEI Perniagaan terlebih dahulu. Pengkaji menggunakan interpretasi min (Jadual 6) bagi tahap niat keusahawanan. Manakala, penentuan skor dan gred diberikan kepada murid berdasarkan dapatan item ujian pencapaian prestasi MPEI Perniagaan (Jadual 7).

JADUAL 6. Interpretasi Min

Skor Purata Min	Tafsiran
1.00 – 1.89	Sangat rendah
1.90 – 2.69	Rendah
2.70 – 3.49	Sederhana
3.50 – 4.29	Tinggi
4.30 – 5.00	Sangat tinggi

Sumber: Chew dan Zul Hazmi (2018)

JADUAL 7. Skor dan Gred Pencapaian Prestasi MPEI Perniagaan.

Skor	Gred	Tahap
90 hingga 100	A+	Cemerlang
80 hingga 89	A	
70 hingga 79	A-	
65 hingga 69	B+	Kepujian
60 hingga 64	B	
55 hingga 59	C+	
50 hingga 54	C	Lulus
45 hingga 49	D	
40 hingga 44	E	
0 hingga 39	G	Gagal

Sementara, bagi mengenal pasti korelasi antara niat keusahawanan dengan pencapaian prestasi MPEI Perniagaan, pengkaji menggunakan analisis inferensi (Jadual 8). Kesemua dapatan yang diperoleh dianalisis menggunakan SPSS versi 26.

JADUAL 8. Nilai Korelasi

Saiz Korelasi	Tahap Korelasi
0.8 hingga 1.0	Sangat kuat
0.6 hingga 0.8	Kuat
0.4 hingga 0.6	Sederhana
0.2 hingga 0.4	Lemah
0.0 hingga 0.2	Sangat lemah

Sumber: Salkind (2012)

DAPATAN KAJIAN

TAHAP NIAT KEUSAHAWANAN

Berdasarkan dapatan, min niat keusahawanan murid MPEI Perniagaan di sekolah menengah adalah 3.93 dengan sisihan piawai=0.47 (Jadual 9). Min menunjukkan niat keusahawanan murid berada pada tahap yang tinggi. Dapatan jelas terbukti apabila semua konstruk niat keusahawanan seperti sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku mempunyai nilai min antara 3.50 hingga 4.29. Dapatan bagi konstruk sikap menunjukkan skor purata min tertinggi (4.19). Sementara, konstruk norma subjektif dan kawalan tingkah laku menunjukkan skor purata min yang sama (3.81).

JADUAL 9. Skor Min, Sisihi Piawai dan Interpretasi bagi konstruk Niat Keusahawanan

Pemboleh ubah/ konstruk	Skor Purata Min	Sisihi Piawai	Interpretasi
Sikap	4.19	0.53	Tinggi
Norma subjektif	3.81	0.57	Tinggi
Kawalan tingkah laku	3.81	0.60	Tinggi
Niat Keusahawanan	3.93	0.47	Tinggi

Jadual 10, 11 dan 12 menunjukkan perincian dapatan bagi setiap konstruk yang diuji. Jadual 10 menunjukkan min sikap berada pada tahap yang tinggi (4.19). Ini jelas dilihat apabila item 2 iaitu '*Saya akan berusaha melakukan apa sahaja untuk mengusahakan perniagaan saya sendiri*' menunjukkan peratusan bersetuju tertinggi (93.5%). Peratusan bersetuju terendah ditunjukkan pada item

1 iaitu '*Saya lebih suka menjadi seorang usahawan berbanding bekerja dengan organisasi sama ada sektor awam ataupun sektor swasta*' (75.1%). Malah, dapatan jelas terbukti menunjukkan kurang daripada 25% responden tidak bersetuju dengan setiap pernyataan. Ini menunjukkan sikap responden majoritinya adalah positif ke arah niat keusahawanan.

JADUAL 10. Kekerapan dan Peratusan bagi Konstruk Sikap (n=217)

No	Item	STS	TS	KS	S	SS
		n%	n%	n%	n%	n%
1	Saya lebih suka menjadi seorang usahawan berbanding bekerja dengan organisasi sama ada sektor awam ataupun sektor swasta.	-	4	50	123	40
		-	1.8	23.0	56.7	18.4
2	Saya akan berusaha melakukan apa sahaja untuk mengusahakan perniagaan saya sendiri.	-	-	14	112	91
		-	-	6.5	51.6	41.9
3	Saya mempunyai kehendak untuk memulakan perniagaan saya suatu hari nanti.	-	1	23	119	74
		-	0.5	10.6	54.8	34.1
4	Saya ingin menjadi majikan atau ketua dalam organisasi/ perniagaan saya sendiri.	-	5	23	100	89
		-	2.3	10.6	46.1	41.0
Purata min = 4.19						
Sisihi piawai = 0.53						
Tahap = Tinggi						

Sementara, dapatan bagi konstruk norma subjektif (Jadual 11) menunjukkan peratusan bersetuju tertinggi pada item 1 iaitu '*Ibu bapa saya positif terhadap masa depan kerjaya saya sebagai usahawan*' (80.6%). Manakala, item 3 iaitu '*Sekolah saya menyediakan kemudahan untuk membantu murid memulakan perniagaan baharu*'

menunjukkan peratusan bersetuju terendah (62.7%). Semua item bagi konstruk ini menunjukkan peratusan tidak bersetuju kurang daripada 40%. Sekaligus memberikan purata min 3.81 dan berada pada tahap yang tinggi. Ini terbukti norma subjektif mendorong murid ke arah niat keusahawanan.

JADUAL 11. Kekerapan dan Peratusan bagi Konstruk Norma Subjektif (n=217)

No	Item	STS n%	TS n%	KS n%	S n%	SS n%
1	Ibu bapa saya positif terhadap masa depan kerjaya saya sebagai usahawan.	- -	1 0.5	41 18.9	116 53.4	59 27.2
2	Rakan saya melihat keusahawanan sebagai pilihan yang relevan untuk saya.	1 0.5	7 3.2	65 30.0	115 53.0	29 13.3
3	Sekolah saya menyediakan kemudahan untuk membantu murid memulakan perniagaan baharu.	4 1.8	16 7.4	61 28.1	115 53.0	21 9.7
4	Di sekolah saya, murid digalakkan secara aktif untuk menjana idea perniagaan mereka sendiri.	2 0.9	16 7.4	37 17.1	132 60.8	30 13.8
Purata min = 3.81						
Sisihan piawai = 0.57						
Tahap = Tinggi						

Sementara, konstruk kawalan tingkah laku menunjukkan peratusan bersetuju tertinggi pada item 3 (84.8%) iaitu '*Saya selalu mengenal pasti peluang perniagaan yang boleh diceburi*' (Jadual 12). Manakala, peratusan bersetuju terendah ditunjukkan pada item 5 (45.6%) iaitu '*Saya pernah menyertai program keusahawanan semasa di sekolah*'. Sekaligus membuktikan item 5 merupakan

peratusan tidak setuju paling tinggi (melebihi 50%). Ini menunjukkan bahawa majoriti responden tidak pernah menyertai program keusahawanan semasa di sekolah. Walaupun begitu, dapatan keseluruhan bagi konstruk kawalan tingkah laku masih berada pada tahap yang tinggi (purata min=3.81) kerana empat item yang lain menunjukkan peratusan bersetuju melebihi 60%.

JADUAL 12. Kekerapan dan Peratusan bagi Kawalan Tingkah Laku (n=217)

No	Item	STS n%	TS n%	KS n%	S n%	SS n%
1	Saya mula menjual barang dalam kalangan rakan semasa di sekolah.	6 2.8	19 8.8	54 24.9	95 43.8	43 19.8
2	Saya bertukar pendapat tentang idea perniagaan saya.	2 0.9	8 3.7	40 18.4	131 60.4	36 16.6
3	Saya selalu mengenal pasti peluang perniagaan yang boleh diceburi.	1 0.5	2 0.9	30 13.8	129 59.5	55 25.3
4	Saya selalu mendapatkan maklumat tentang cara untuk memulakan perniagaan.	1 0.5	4 1.8	31 14.3	119 54.8	62 28.6
5	Saya pernah menyertai program keusahawanan semasa di sekolah.	19 8.8	24 11.1	75 34.6	72 33.2	27 12.4
Purata min = 3.81						
Sisihan piawai = 0.60						
Tahap = Tinggi						

TAHAP PENCAPAIAN PRESTASI MPEI PERNIAGAAN

Pencapaian prestasi MPEI Perniagaan ditunjukkan berdasarkan Jadual 13. Peratusan tertinggi markah responden jelas menunjukkan pada tahap kepujian iaitu skor antara 69 hingga 50 (gred B+ hingga C) dengan seramai 117 orang (53.9%). Peratusan kedua tertinggi adalah pada tahap cemerlang dengan seramai 52 orang (24%) iaitu pada skor antara 100 hingga 70 (gred A-, A dan A+). Bagi peratusan terendah pula menunjukkan pencapaian berada

pada tahap gagal (6.9% atau 15 orang). Sementara, pencapaian pada tahap lulus menunjukkan sebanyak 15.2% (33 orang).

Dapatan jelas menunjukkan pencapaian prestasi MPEI Perniagaan majoriti tertumpu pada tahap kepujian sekaligus membuktikan tahap penguasaan responden berada pada aras sederhana. Bilangan responden mendapat pencapaian prestasi tidak kredit menunjukkan hampir 25% (48 orang) yakni pada gred D, E dan G. Bilangan pada tahap cemerlang menunjukkan hanya 24.4%.

Perincian pemarkahan berdasarkan kategori kognitif, afektif dan psikomotor pula menunjukkan majoriti responden didapati tidak dapat menguasai soalan yang melibatkan kognitif di mana lebih daripada 25% responden mencapai prestasi lulus dan gagal (lulus=46 orang dan gagal=23 orang). Tambahan, bilangan responden yang mencapai tahap cemerlang hanya 17.5% (38 orang). Bilangan responden yang rendah pada tahap cemerlang, lulus dan gagal menyebabkan penumpuan yang ramai pada tahap pencapaian kepujian iaitu dengan 50.7% (110 orang).

Dapatan bagi kategori afektif pula menunjukkan peratusan pencapaian tertinggi responden adalah pada tahap cemerlang iaitu 67.7% (A+=51 orang, A=56 orang dan A-=40 orang). Bagi pencapaian prestasi kepujian menunjukkan 48 orang memperoleh gred C dan gred B (22.1%). Manakala, tahap pencapaian lulus menunjukkan pada skor 40 hingga 44 dengan 15 orang (6.9%). Diikuti dengan bilangan responden yang memperoleh pencapaian gagal adalah seramai 3.2% (7 orang). Pencapaian yang rendah pada tahap kepujian, lulus dan gagal dengan peratusan 32.2% (70 orang) menunjukkan bahawa majoriti responden dapat menguasai pencapaian afektif dengan baik.

Dapatan psikomotor menunjukkan 38.3% (83 orang) responden mencapai prestasi kepujian. Manakala, peratusan bagi pencapaian tahap cemerlang adalah 35% (A+=11.5%, A=9.7% dan A-=13.8%). Sekaligus menunjukkan hanya 26.7% (58 orang) berada pada tahap lulus dan gagal. Dapatan kajian menunjukkan perbezaan peratusan yang tidak ketara antara tahap cemerlang, kepujian, lulus serta gagal. Namun begitu, dapatan menunjukkan bilangan responden yang kredit melebihi daripada 60% (159 orang).

Keseluruhan kategori menjelaskan bahawa kognitif dan psikomotor responden berada pada tahap kepujian dengan 50.7% (110 orang) dan 38.3% (83 orang). Sementara, afektif responden menunjukkan tahap cemerlang dengan 67.7% (147 orang). Dapatan membuktikan responden cenderung menjawab item melibatkan afektif dengan betul berbanding item kognitif dan psikomotor. Jika dilihat dengan teliti kategori kognitif dan afektif mempunyai perbezaan yang ketara pada setiap tahap pencapaian berbanding kategori psikomotor yang menunjukkan peratusan hampir sama dan tidak jauh beza.

JADUAL 13. Kekerapan dan Peratusan Pencapaian Prestasi MPEI Perniagaan mengikut Kategori Keseluruhan, Kognitif, Afektif dan Psikomotor (n=217)

Skor	Gred	Kriteria	Kategori							
			Keseluruhan		Kognitif		Afektif		Psikomotor	
			n	%	n	%	n	%	n	%
90 hingga 100	A+	Cemerlang	2	0.9	3	1.4	51	23.5	25	11.5
80 hingga 89	A		14	6.5	8	3.7	56	25.8	22	9.7
70 hingga 79	A-		36	16.6	27	12.4	40	18.4	29	13.8
65 hingga 69	B+	Kepujian	29	13.3	15	6.9	-	-	-	-
60 hingga 64	B		28	12.9	26	12.0	23	10.6	41	18.9
55 hingga 59	C+		36	16.6	18	8.3	-	-	-	-
50 hingga 54	C	Lulus	24	11.1	51	23.5	25	11.5	42	19.4
45 hingga 49	D		20	9.2	28	12.4	-	-	-	-
40 hingga 44	E		13	6.0	18	8.8	15	6.9	30	13.8
0 hingga 39	G	Gagal	15	6.9	23	10.6	7	3.2	28	12.9

KORELASI NIAT KEUSAHAWANAN DENGAN PENCAPAIAN PRESTASI MPEI PERNIAGAAN

Berdasarkan Jadual 14, dapatan menunjukkan analisis korelasi bagi tahap niat keusahawanan dengan tahap pencapaian prestasi MPEI Perniagaan dengan nilai korelasi $r = -0.162$. Hasil ujian menunjukkan terdapat hubungan negatif yang sangat lemah dengan nilai $p = 0.017$ di mana lebih kecil daripada aras keertian yang ditetapkan. Nilai $p < 0.05$ menunjukkan signifikan dan sekaligus membuktikan terdapat hubungan antara tahap niat keusahawanan dengan pencapaian prestasi MPEI Perniagaan (skor) dalam kalangan murid di sekolah menengah. Ini bermakna tahap niat keusahawanan dengan tahap pencapaian prestasi MPEI Perniagaan mempunyai hubungan yang negatif iaitu sangat lemah. Ringkasnya, semakin tinggi niat keusahawanan murid MPEI Perniagaan maka semakin rendah pencapaian prestasi MPEI Perniagaan.

JADUAL 14. Ujian Korelasi *Spearman* antara niat keusahawanan dengan pencapaian prestasi MPEI Perniagaan

Pemboleh ubah	Nilai Pekali Korelasi	
Prestasi MPEI Perniagaan (Skor)	r	= - 0.162
	Sig	= 0.017
	n	= 217

PERBINCANGAN

Dapatan kajian secara keseluruhannya mendapati murid MPEI Perniagaan sekolah menengah mempunyai niat keusahawanan yang tinggi. Malah, sikap peribadi, norma subjektif serta kawalan tingkah laku juga menunjukkan tahap yang tinggi. Ini selari dengan Linan dan Chen (2009) yang menegaskan sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku memberi kesan kepada niat keusahawanan seseorang. Sikap keusahawanan yang positif memberi dorongan kepada murid untuk lebih bermatlamat menjadi ketua/majikan dalam perniagaan yang akan dibina kerana murid lebih berkeyakinan dan sekaligus meningkatkan motivasi. Malah kajian Wan Mohd Zaifurin dan Ibrahim (2019) membuktikan sikap keusahawanan yang diasah melalui pengalaman sebenar memberikan keyakinan kepada murid untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya kerana mereka sedar akan kepentingan dan faedah yang diperoleh terutamanya dari segi menjana pendapatan berbanding pekerjaan lain.

Ibu bapa, rakan dan persekitaran sekolah memainkan peranan penting dalam membentuk niat keusahawanan. Persekitaran murid yang mempunyai budaya keusahawanan dan ekosistem keusahawanan secara tidak langsung akan mendorong murid positif ke arah keusahawanan. Ini sejajar dengan kajian Elnadi dan Gheith (2021) yang menunjukkan persekitaran seperti pendidikan, latihan, infrastruktur, aktiviti dan budaya keusahawanan perlu dirancang dengan teliti agar pembentukan keusahawanan dapat dipertingkatkan. Malah, kajian Rosna dan Norasmah (2018) menyatakan murid perlu dididik dengan keusahawanan sejak dari sekolah terlebih dahulu sebelum ke peringkat yang lebih tinggi. Ini bagi memastikan niat keusahawanan sudah dipupuk lebih awal dan hanya memerlukan nilai tambah apabila murid ke peringkat pendidikan yang seterusnya. Sekaligus, ia membentuk ciri-ciri keusahawanan murid seperti yang ditegaskan dalam kajian Feng et al. (2019). Tambahan, ibu bapa yang berpengalaman dalam bidang keusahawanan akan menyokong dan membimbing murid dengan tindakan keusahawanan sewajarnya. Ini sejajar dengan kajian Fragoso et al. (2020) dan Veljkovic et al. (2019) yang menegaskan latar belakang keluarga berkolerasi dan memberi impak kepada tingkah laku keusahawanan murid. Keluarga murid yang mempunyai perniagaan menyebabkan murid lebih berusaha untuk mempelajari selok belok keusahawanan bagi mewarisi legasi perniagaan keluarga masing-masing. Namun dapatan kajian ini menyangkal kajian Lavelle (2019) dan Nguyen (2018) yang menunjukkan norma subjektif pada dasarnya tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan niat keusahawanan.

Amnya, apabila sikap keusahawanan dan norma subjektif murid memainkan peranan maka tingkah laku keusahawanan mereka akan mula bertindak. Murid lebih berusaha untuk memperoleh maklumat bagi memastikan objektif untuk menceburi bidang keusahawanan dapat dicapai kerana pemikiran keusahawanan mereka sudah terbentuk dalam diri seperti yang ditunjukkan dalam kajian Affzalina dan Nor Aishah (2017). Malah, dapatan ini juga selari kepada kajian Zhao dan Xie (2020) yang menunjukkan tingkah laku keusahawanan boleh terdorong dengan adanya emosi dan pemikiran yang melibatkan keusahawanan. Emosi dan pemikiran keusahawanan murid dapat membantu sikap keusahawanan dan kawalan tingkah laku keusahawanan.

Sementara, pencapaian prestasi MPEI Perniagaan murid menunjukkan pada tahap sederhana iaitu kepujian bagi kategori kognitif. Murid masih tidak mencapai aras pemikiran tinggi seperti disarankan Model Pembelajaran Taksonomi Bloom. Murid hanya menguasai sepenuhnya tahap mengingat, memahami dan mengaplikasi (aras rendah). Ini selaras dengan kajian Alalouch (2021) yang menunjukkan kognitif mempunyai hubungan dengan prestasi akademik murid. Kognitif murid sangat penting dalam mengukur aras pemikiran. Pengetahuan murid terhadap sesuatu mata pelajaran pada dasarnya mempengaruhi pencapaian prestasi kerana ia menunjukkan sejauh mana penguasaan murid terhadap mata pelajaran tersebut. Ini selaras dengan kajian Nur Adila dan Shahlan (2021) yang menegaskan keinginan pengetahuan murid untuk mengetahui sesuatu perkara yang dipelajari akan menjana pemikiran yang lebih kritis. Pemikiran yang kritis akan membawa kepada murid untuk bijak menyelesaikan masalah dan lebih berinovasi. Malah, ia disokong oleh kajian Phuong et al. (2021) agar pemikiran beraras tinggi perlu diterapkan dalam mata pelajaran yang ditawarkan bagi melahirkan individu yang lebih berkualiti. Kognitif yang cemerlang akan membawa kepada cetusan idea yang lebih baharu dan bernas.

Tahap kepujian bagi psikomotor menunjukkan murid masih tidak mempunyai kemahiran keusahawanan kerana murid tidak didedahkan dengan pengalaman sebenar. Sekaligus, ini menyangkal dapatan kajian Nur Asmaliza et al. (2020) yang menunjukkan murid lebih menguasai psikomotor semasa pembelajaran. Pada dasarnya, psikomotor murid perlu diberi perhatian bagi menggalakkan kognitif dan afektif keusahawanan. Ini selaras dengan kajian Jardim (2021) yang menekankan kemahiran keusahawanan perlu dibina agar pemikiran pengetahuan keusahawanan berkembang. Secara tidak langsung, ia menimbulkan minat dan sekaligus memberi keseronokan kepada murid.

Dapatan kajian bagi kategori afektif murid berada pada tahap cemerlang. Ini selaras dengan kajian Nur Asmaliza et al. (2020) yang menunjukkan murid lebih menguasai aspek afektif. Pada dasarnya afektif melibatkan emosi murid dalam mempelajari sesuatu. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa murid seronok mempelajari MPEI Perniagaan namun masih berada pada tahap sederhana untuk kategori kognitif dan psikomotor. Justeru, guru perlu menyediakan bahan bantu mengajar yang

lebih berkesan untuk meningkatkan kognitif dan psikomotor murid.

Dapatan kajian menunjukkan korelasi antara niat keusahawanan dengan pencapaian prestasi MPEI Perniagaan. Ini selari dengan kajian Barraza et al. (2021), Lavelle (2019) dan Ndofirepi (2020). Namun, kajian menunjukkan korelasi negatif dan berada pada tahap yang sangat lemah. Ini bermaksud sekiranya niat keusahawanan murid tinggi maka pencapaian prestasi murid akan rendah. Murid yang mempunyai niat keusahawanan yang tinggi lebih memikirkan peluang untuk menjana pendapatan berbanding cemerlang dalam pendidikan. Malah, kajian Rosniza et al. (2020) menunjukkan generasi muda pada masa kini lebih mementingkan pengalaman kerja berbanding dengan kelulusan akademik kerana ia tidak menjamin pekerjaan kelak. Tambahan, mereka lebih mempercayai peluang pekerjaan tidak formal lebih luas berbanding pekerjaan formal yang memerlukan kelayakan pendidikan.

Namun begitu, dapatan kajian ini menyangkal kajian Georgescu dan Herman (2020) serta Melvin dan Shahlan (2020) yang menyatakan norma subjektif mampu memberikan kesan kepada pencapaian akademik murid. Ini kerana norma subjektif adalah salah satu konstruk niat keusahawanan. Walaupun murid mempunyai niat keusahawanan namun mereka tidak menunjukkan minat untuk menguasai pencapaian prestasi MPEI Perniagaan yang lebih cemerlang. Minat seharusnya ada dalam diri murid sekiranya mereka mempunyai niat keusahawanan yang tinggi kerana ia mengerakkan tingkah laku untuk mencapai objektif yang disasarkan (Wan Mohd Zaifurin & Ibrahim 2020; Letsaolo & Rankhumise 2020).

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI

Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan niat keusahawanan dalam kalangan murid di sekolah menengah berada pada tahap yang tinggi. Berikutan itu, sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku didapati positif ke arah keusahawanan. Sementara, tahap pencapaian murid didapati berada pada tahap kepujian dari segi kognitif dan psikomotor. Namun, dari segi afektif, murid menunjukkan pencapaian yang cemerlang. Berdasarkan dapatan ini, ia membawa kepada dapatan korelasi antara niat keusahawanan dengan pencapaian prestasi MPEI Perniagaan. Namun begitu, hubungannya adalah negatif dan sangat lemah. Ini bermaksud semakin

tinggi niat keusahawanan maka semakin lemah pencapaian prestasi MPEI Perniagaan. Murid yang didedahkan dengan pendidikan keusahawanan dan menunjukkan prestasi yang bagus dalam akademik masih belum tentu menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya (Sanchez & Sahuquillo 2018). Malah Noorul Jannah dan Nor Aishah (2019) juga menegaskan murid yang cemerlang belum tentu mempunyai kemahiran dalam bidang tertentu.

Dapatan kajian ini memberi beberapa implikasi. Pertama, kepada pihak KPM, khususnya Bahagian Pembangunan Kurikulum, yang bertanggungjawab dalam menyemak dan mengemaskini dokumen standard kurikulum dan pentaksiran (DSKP) MPEI Perniagaan. DSKP boleh diteliti semula bagi memastikan elemen yang dicatat benar-benar selaras dengan objektif kerajaan, termasuk dalam pembudayaan serta pembangunan niat keusahawanan. Kedua, implikasi kepada Bahagian Lembaga Peperiksaan yang bertanggungjawab dalam memantau pencapaian prestasi murid dari segi kognitif, psikomotor dan afektif. Ini kerana tumpuan terhadap pendidikan keusahawanan sangat penting bagi memastikan murid memilih kerjaya keusahawanan sebagai pilihan utama (Barnard et al. 2018). Justeru, proses pendidikan keusahawanan dijadikan tumpuan utama oleh pihak kerajaan. Oleh itu, bagi memastikan murid memiliki minda usahawan, semua elemen keusahawanan diterapkan merentas kurikulum, begitu juga dalam semua program atau aktiviti kokurikulum yang bersesuaian sama ada semasa proses PdPc ataupun acara-acara khas di sekolah. Ini bertepatan dengan aspirasi yang dicatat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang mahu melahirkan individu berminda usahawan (KPM 2013).

Implikasi ketiga adalah kepada institusi yang melahirkan guru sama ada di Institusi Pendidikan Guru Malaysia mahupun di Universiti. Melalui kajian ini, perancangan dan pembentukan modul latihan dalam perkhidmatan dapat dibina/ditambahbaik agar elemen keusahawanan tidak dilupakan. Pembudayaan dan peningkatan niat keusahawanan yang perlu dipupuk dalam kalangan murid dapat ditekankan kepada guru atau bakal guru. Untuk itu program dan bengkel berkaitan asas keusahawanan perlu disediakan agar guru atau bakal guru mendapat pendedahan berkaitan keusahawanan. Program dan bengkel ini juga akan dapat membantu guru mendalami serta meneroka bidang keusahawanan dan perniagaan. Secara tidak langsung, guru berupaya menerapkan budaya

keusahawanan semasa sesi PdPc MPEI Perniagaan. Berikutan itu, ciri-ciri dan niat keusahawanan murid-murid juga dapat diterap semasa proses PdPc berjalan.

Kesimpulan, kajian melaporkan bahawa niat keusahawanan murid berada pada tahap tinggi, sama juga dengan prestasi dari aspek afektif murid. Bagaimanapun berbeza dengan prestasi pencapaian kognitif dan psikomotor MPEI Perniagaan murid apabila data menunjukkan berada pada tahap sederhana sahaja. Malah korelasi antara niat keusahawanan dengan prestasi MPEI perniagaan juga dalam keadaan negatif, bermakna semakin tinggi niat keusahawanan murid maka semakin rendah prestasi MPEI Perniagaan. Untuk itu, disyorkan kajian masa depan dibuat untuk mengenal pasti faktor-faktor penyebab hubungan negatif antara niat keusahawanan dengan pencapaian prestasi MPEI Perniagaan dalam kalangan murid sekolah menengah.

PENGHARGAAN

Penyelidik ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang meluluskan pelaksanaan kajian & Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi, Universiti Kebangsaan atas pemberian dana insentif (GG-K007386).

RUJUKAN

- Affzalina Hasan & Nor Aishah. 2017. Perbandingan tahap sikap, pemikiran dan tingkah laku keusahawanan dengan tahap perancangan berniaga mahasiswa jurusan sains. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship* 1(1): 86-99.
- Ajzen, I. 2005. *Attitude, personality and behavior (Second Edition)*. London: Open University Press.
- Alalouch, C. 2021. Cognitive styles, gender and student academic performance in engineering education. *Education Sciences* 11(502): 1-18.
- Amran Omar, Shazlin Amir Hamzah & Chang Peng Kee. 2021. Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen batas etnik di sekolah kebangsaan zon utara semenanjung malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities* 18(3): 253-269
- Ayu Siti Aminah. 2020. Kajian kes indeks kesukaran dan diskriminasi item ujian sumatif bahasa Inggeris (Pemahaman) tahun 5. *Sains Humanika* 12: 57-66.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. 2016. *Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran perniagaan tingkatan 4 KSSM*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Barraza, N. C., Cristia, J. F. E., Sepulveda, G. S., & Munoz, A. V. 2021. Entrepreneurial intention: A gender study in business and economics students from Chile. *Sustainability* 13 (4693): 1-14.
- Barnard, A., Pittz, T., & Vanevenhoven. 2018. Entrepreneurship education on U.S. Community colleges: A review and analysis. *Journal of Small Business and Enterprise Development* 26(5): 1-19.
- Bhutali, P.B. & Bamagond, A. V. 2020. A Study on Academic Achievement Of Residential and Non Residential Secondary School Students in Relation to Locality. *International Research Journal on Advanced Science Hub* 2(12): 73-77.
- Bloom, B. 1956. *Taxonomy of Educational Objectives. Book 1: Cognitive domain*. London: Longman Group Ltd.
- Chai, W. L., Siew, N. M. & Lee, B. N. 2021. Kemahiran proses sains tahap empat: Satu instrumen untuk pelajar tingkatan empat sekolah menengah. Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities* 6(3): 134-145.
- Chew, F. P. & Zul Hazmi Hamad. 2018. Kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa melayu melalui teknik penyoalan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 8 (1): 1-12.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. 2007. *Research methods in education*. Sixth Edition. Routledge. New York.
- Dwita Oktaria, Oktafany & Rika Lisiswanti. 2017. Situational Judgement Test (SJT): Alternatif metode seleksi mahasiswa baru di fakultas kedokteran. *JK Unila* 1(3): 598-602.
- Elnadi, M. & Gheith, M. H. 2021. Entrepreneurial ecosystem, entrepreneurial self-efficacy, and entrepreneurial intention in higher education: Evidence from Saudi Arabia. *The International Journal of Management Education* 19: 1-16
- Feng, Z., Liqun, W., Hongyo, S. & Lo, C. T. 2019. How entrepreneurial learning impacts one's intention towards entrepreneurship: A planned behavior approach. *Chinese Management Studies* 13 (1): 146-170.
- Fragoso, R, Rocha, W & Xavier, A. 2020. Determinant factors of entrepreneurial intention among university students in Brazil and Portugal. *Journal of Small Business & Entrepreneurship* 32(1): 33-57.
- Georgescu, M.A. & Herman, E. 2020. The impact of the family background on students' entrepreneurial intentions: An empirical analysis. *Sustainability (Switzerland)* 12 (11): 1-18.
- Gutierrez, J. P. C. 2021. Precondition innovative entrepreneurship in Mexico. Ph.D. Dissertation, Instituto Tecnológico y de Estudios Superiores de Monterrey.
- Iklina Husna, Abdul Rahim, Pawan, M. T., Toh, P. S., & Ahmad Shakani Abdullah. 2020. Persepsi pelajar terhadap pendidikan keusahawanan: kajian terhadap pelajar. *4th International Conference on Social Sciences, Humanities and Technology* (June), 119-125.
- Ilias Zakaria & Radin Siti Aishah A Rahman. 2019. Pengaruh sikap, minat dan kemahiran keusahawanan terhadap pencapaian mata pelajaran asas perniagaan pelajar tingkatan empat di wilayah persekutuan labuan. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business* 3(12): 115-124.
- Isoraite, M., & Guleviciute, G. 2021. A study of online entrepreneurship education under conditions of a pandemic. *Entrepreneurship and Sustainability Issues* 8(3): 179-192.
- Jardim, J. 2021. Entrepreneurial skills to be successful in the global and digital world: Proposal for a frame of reference for entrepreneurial education. *Educ. Sci.* 11(7) : 356-369.
- Kementerian Pembangunan Usahawan. 2019. *Dasar Keusahawanan Nasional 2030*. Putrajaya: Kementerian Pembangunan Usahawan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2019. *Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Edisi ke-2*. Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kimuli, S. N. L., Orobia, L., Sabi, H. M., & Tsuma, C. K. 2020. Sustainability intention: Mediator of sustainability behavioral control and sustainable entrepreneurship. *World Journal of Entrepreneurship, Management and Sustainable Development* 16(2): 81-95.
- Kline, R. B. 2011. *Methodology in the Social Sciences*. Principles and practice of structural equation modeling (3rd ed.). Guilford Pres.
- Lavelle, B. A. 2019. Entrepreneurship education's impact on entrepreneurial intention using the theory of planned behavior: Evidence from Chinese vocational college students. *Entrepreneurship Education and Pedagogy* 0(0): 1-22.
- Linan, F. & Chen, Y.W. 2009. Entrepreneurship theory and practice. In *Entrepreneurship Theory and Practice*. pp. 593-617.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. 2020. *Laporan Analisis Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2019*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia. 2021. *Laporan analisis keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2020*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Letsaolo, M. E & Rankhumise, E. M. 2020. Students' entrepreneurial intentions at two South African universities. *Journal Of Entrepreneurship Education* 23 (1): 1-14.
- Lily Hanefarezan, Maimun Aqsha, Ashinida & Mus'ab. 2018. Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen strategi pembelajaran kolokasi bahasa Arab: Analisis menggunakan model rasch. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 1(1): 131-140.
- Melvin Maxwell & Shahlan Surat. 2020. Pengaruh latar belakang keluarga dan pencapaian akademik pelajar di SMK Bau. *Jurnal Dunia Pendidikan* 2(1): 227-233.

- Mendoza, G., Llopis, J., Gasco, J. & Gonzalez, R. 2021. Entrepreneurship as seen by entrepreneurs in a developing country. *Journal of Business Research* 123: 547–556.
- Ndofirepi, T. M. 2020. Relationship between entrepreneurship education and entrepreneurial goal intentions: Psychological traits as mediators. *Journal of Innovation and Entrepreneurship* 9(2).
- Nguyen, C. 2018. Demographic factors, family background and prior self-employment on entrepreneurial intention-vietnamese business students are different: Why? *Journal of Global Entrepreneurship Research* 8(10): 1-17.
- Nur Adila Diyana & Shahlan Surat. 2021. Kecenderungan berfikir kritis dan pencapaian kesusasteraan bahasa inggeris pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Daerah Kepala Batas, Pulau Pinang. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 6 (3): 203-214.
- Nur Asmaliza Mohd Noor, Noraida Mohd Saim, Rohaya Alias & Siti Hawa Rosli. 2020. Students' performance on cognitive, psychomotor and affective domain in the course outcome for embedded course. *Universal Journal of Educational Research* 8(8): 3469-3474.
- Nur Fardeana Arifin, Radin Siti Aishah Radin A Rahman & Norasmah Othman. 2020. Tahap personaliti *big six* dan hubungannya dengan kecenderungan keusahawanan digital dalam kalangan pelajar kolej komuniti. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(1): 101-110.
- Nurul Jasmin Ramli & Noor Aslinda Abu Seman. 2020. Kajian mengenai niat keusahawanan mengikut teori tingkah laku terancang. *Research in Management of Technology and Business* 1(1): 984-998.
- Nurul Muna Mohamad, Tajul Ariffin Masron & Haslindar Hashim. 2021. The role of entrepreneurship on income inequality in developing countries. *Journal of Poverty*. <https://doi.org/10.1080/10875549.2020.1869662>
- Norasmah Othman & Nor Hafiza Othman. 2015. Relationship between entrepreneurial intentions and entrepreneurial career choice behavior among university students. *Journal of Business and Economics* 6(1): 179-186.
- Noorul Jannah Azaman & Nor Aishah Buang. 2019. Tahap kemahiran abad ke-21 pelajar dalam mata pelajaran perniagaan berdasarkan lokasi sekolah dan jantina. *International Conference on Global Education VII Humanising Technology for IR 4.0*, 846-853.
- Noorizda Emellia Mohd Aziz, Wan Nur Afini Wan Saidin, Zurairah Jais, Maryam Mohd Esa & Zamry Gafar. 2019. Niat keusahawanan dalam kalangan pelajar wanita di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). *Journal of Business Innovation* 4(2): 36–49.
- Phuong, N. T. M., Quoc, T. H., Cup, L. V., & Lien, L. T. K. 2021. The students' attitudes and entrepreneurial intention: Evidence from vietnam universities. *Management Science Letters* 11: 783-794.
- Rachel Lyne G. Pius, Anuar Ahmad & Norasmah Othman. Aplikasi google classroom dalam mata pelajaran sejarah. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(1): 12-25.
- Ravi Nagarathanam. 2015. Hubungan sikap, pemikiran dan tingkah laku terhadap keinginan dalam pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan prasiswazah india di institut pengajian tinggi sekitar Bangi. *Tesis Penyelidikan*.
- Rony Setiawan, Ariesya Aprillia & Nonie Magdalena. 2019. Analysis of antecedent factors in academic achievement and student retention. *Asian Association of Open Universities Journal*, 15(1): 37-47. <https://doi.org/10.1108/AAOUJ-09-2019-0043>
- Roomi, M. A., Saiz-Alvarez, J. M., & Coduras, A. 2021. Measuring sustainable entrepreneurship and eco-innovation: A methodological proposal for the global entrepreneurship monitor (GEM). *Sustainability* 13: 4056. <https://doi.org/10.3390/su13074056>.
- Rosna Mohamad & Norasmah Othman. 2018. Korelasi efikasi sendiri keusahawanan dan kecenderungan keusahawanan pelajar pra-universiti. *Akademika* 88(2): 59-70.
- Rosniza Aznie Che Rose, Nur Hanis Misrin, Noordeyana Tambi, & Junaidi Awang Besar. 2020. Faktor pemilihan pekerjaan tidak formal dalam kalangan generasi muda. *Akademika* 90 (Isu khas 1): 147-160.
- Salkind, N. J.. 2012. *Exploring Research Eight Edition*. Pearson. United States America: University of Kanvas.
- Samkange, W. 2020. The implementation of entrepreneurship education at secondary school level in Harare, Zimbabwe. *Business & Social Science Journal* 2(2): 77-90.
- Samydevan, V., Mohd Rushidi Mohd Amin & Piaralal, S. K. 2020. Determinants of entrepreneurial intention among students in Malaysia: An empirical study. *Journal of Education for Business* : 1-7.
- Sanchez, V. B., & Sahuquillo, C. A. 2018. Entrepreneurial intention among engineering students: The role of entrepreneurship education. *European Research on Management and Business Economics* 24(1): 53-61.
- Syafiq Mah Hassan. 2019. Meningkatkan kemahiran menyoal dalam pengajaran. *Asian Education Action Research Journal* 8: 1-8.
- Veljkovic, S. M., Maric, M., Subotic, M., Dudic, B., & Gregus, M. 2019. Family entrepreneurship and personal career preferences as the factors of differences in the development of entrepreneurial potential of students. *Sustainability* (11): 1-23.
- SME Corporation Malaysia. 2021. *Laporan tahunan PKS 2019/2020*. Kuala Lumpur: SME Corporation Malaysia.
- Tie Tie Seng, Arnida Abdullah & Abdullah Mat Rashid. 2019. Pengaruh faktor terpilih terhadap aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar kolej komuniti. *Akademika* 89(3): 41-52.

- Toresingam, T. T., Norasmah Othman & Radin Siti Aishah. 2019. Pengetahuan dan kemahiran guru terhadap kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu asas perniagaan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 4(26): 46-56.
- Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang & Ibrahim Mamat. 2020. Kajian perbezaan latar belakang dan kecenderungan keusahawanan pelajar sekolah menengah di Terengganu. *Jurnal Pengurusan* 60: 1-14.
- Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang & Ibrahim Mamat. 2019. Faktor-faktor penentu kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *Akademika* 89(2): 3-15.
- Yee Sye Foong. 2018. *Asas penyelidikan dalam pendidikan*. Selangor: Pelangi Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Yushun, S., Zeren, Z., Jingwen, C., Yuanqing, J., Ting, W., Chien, L. L., & Danying, X. 2021. Factors influencing entrepreneurial intention of university students in China: Integrating the perceived university support and Theory of Planned Behavior. *Sustainability* 13: 4519.
- Zada, I. M., & Zhidebekkyzy, A. 2021. State support for entrepreneurship development: A cross-country comparative analysis. *Journal of Economic Research & business Administration* 2(136): 32-42.
- Zhao, Y & Xie, B.. 2020. Cognitive Bias, Entrepreneurial Emotion and Entrepreneurship Intention. *Frontiers in Psychology* 11 (625): 1-11.

Nurul Hidayah Omar
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor
Malaysia
Email: nuruhidayah@gmail.com

Norasmah Othman (corresponding author)
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor
Malaysia
Email: lin@ukm.edu.my